



**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 8 TAHUN 2007  
(TAMBAHAN PERTAMA SPP BIL. 8 TAHUN 2006)**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

**HAD KUASA MELANTIK DAN  
MELULUSKAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING**

**Tujuan**

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan memaklumkan pindaan kepada had kuasa berkaitan perolehan perkhidmatan perunding yang termaktub dalam SPP Bil. 8 Tahun 2006 yang dikeluarkan pada 6 November 2006.

**Pindaan Kepada Had Kuasa Melantik dan Meluluskan Kos Perkhidmatan Perunding**

2. Bagi membantu agensi Kerajaan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek RMKe-9, Kementerian Kewangan telah mengkaji semula had kuasa berkaitan perolehan perkhidmatan perunding dan memutuskan untuk meningkatkan had kuasa tersebut. Sehubungan itu had kuasa melantik dan meluluskan kos perkhidmatan perunding adalah dipinda seperti berikut:

**a) Projek Pembangunan Fizikal**

Pihak Berkuasa	Had Kuasa	
	Meluluskan Pelantikan Perunding	Meluluskan Kos Perunding
a. Perbendaharaan	Kos Projek Melebihi RM50 juta	Melebihi RM5 juta
b. Lembaga Perolehan 'A' Agensi	Kos Projek Sehingga RM50 juta	Sehingga RM5 juta

**b) Kajian Fizikal/Bukan Fizikal**

<b>Pihak Berkuasa</b>	<b>Had Kuasa Meluluskan Pelantikan dan Kos Perunding</b>
a. Perbendaharaan	Melebihi RM1 juta
b. Lembaga Perolehan 'A' Agensi	Sehingga RM1 juta

**c) Kerja-kerja Ukur Tanah dan Alam Sekitar**

<b>Pihak Berkuasa</b>	<b>Had Kuasa Meluluskan Pelantikan dan Kos Perunding</b>
a. Perbendaharaan	Melebihi RM300 ribu
b. Lembaga Perolehan 'A' Agensi	Sehingga RM300 ribu

**Kuat Kuasa**

3. SPP ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuat kuasanya SPP ini, para 11 SPP Bil. 8 Tahun 2006 dan para 3 Bab II Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006 adalah dibatalkan serta Arahan Perbendaharaan (AP) 187(a) dipinda seperti di **Lampiran A**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(Dato' Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

25 Mei 2007

s.k. Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara

**PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN YANG BERKAITAN  
DENGAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING**

187. **Pihak Berkuasa Melantik dan Meluluskan Kos Perkhidmatan Perunding**

(a) Pihak berkuasa dan had kuasa melantik dan meluluskan kos perkhidmatan perunding adalah ditetapkan seperti berikut:

**i) Projek Pembangunan Fizikal**

<b>Pihak Berkuasa</b>	<b>Had Kuasa</b>	
	<b>Meluluskan Pelantikan Perunding</b>	<b>Meluluskan Kos Perunding</b>
a. Perbendaharaan	Kos Projek Melebihi RM50 juta	Melebihi RM5 juta
b. Lembaga Perolehan 'A' Agensi	Kos Projek Sehingga RM50 juta	Sehingga RM5 juta

**ii) Kajian Fizikal/Bukan Fizikal**

<b>Pihak Berkuasa</b>	<b>Had Kuasa Meluluskan Pelantikan dan Kos Perunding</b>
a. Perbendaharaan	Melebihi RM1 juta
b. Lembaga Perolehan 'A' Agensi	Sehingga RM1 juta

**iii) Kerja-kerja Ukur Tanah dan Alam Sekitar**

<b>Pihak Berkuasa</b>	<b>Had Kuasa Meluluskan Pelantikan dan Kos Perunding</b>
a. Perbendaharaan	Melebihi RM300 ribu
b. Lembaga Perolehan 'A' Agensi	Sehingga RM300 ribu